



commercedotcom

innovations in
public commerce

commerce dot com sdn bhd (486495V)
ground floor, wisma commercedotcom,
15 jalan pandang, 46050 petaling jaya,
selangor darul ehsan, malaysia.

☎ 03 7985 7700 ☎ 03 7781 1428

www.commercedc.com.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Sistem ePerolehan Kerajaan Kalis Krisis

Petaling Jaya, 10 Ogos 2020 – Kesan dari penularan Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia pada 18 Mac 2020 yang berlarutan selama 8 minggu diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selama 5 minggu telah mengubah landskap Malaysia dan dunia. Pasca Covid-19 menyaksikan negara telah meletakkan transformasi ke arah pendigitalan dan teknologi sebagai fokus utama untuk pemulihan dan penjanaan ekonomi.

Hasil dari kesediaan pendigitalan ini dapat dilihat dari aktiviti perolehan Kerajaan melalui sistem ePerolehan di mana walaupun dalam tempoh PKP dan pandemik yang berpanjangan, pelaksanaan perolehan Kerajaan untuk urusan bekalan dan perkhidmatan secara sepenuhnya di dalam talian tidak terjejas. Ia membolehkan Kerajaan dan komuniti perniagaan meneruskan aktiviti perniagaan mereka seperti biasa tanpa sebarang faktor kekangan.

Dalam tempoh PKP tersebut, sistem ePerolehan merekodkan nilai transaksi perolehan RM1.7 bilion pada Mac dan RM1.5 bilion pada April 2020. Ini merupakan peningkatan nilai transaksi masing-masing sebanyak 13% dan 1.3% berbanding bulan yang sama tahun lepas. Nilai transaksi perolehan Kerajaan pada bulan Mei dan Jun juga mencapai purata sebulan RM1.3 bilion, peningkatan 8.3% berbanding purata bulan yang sama tahun lepas. Urusniaga perolehan tender dan sebutharga pula merekodkan 8,014 jumlah transaksi dengan nilai RM951 juta berbanding 8,910 transaksi dengan nilai RM4.66 bilion pada tahun lepas. Nilai transaksi keseluruhan melalui ePerolehan pada tahun 2020 disasarkan RM22 bilion berbanding pencapaian RM20 bilion pada tahun lepas.

Kaedah pengesahan di dalam talian, tandatangan digital dan arkib dokumen merupakan antara ciri-ciri sistem ePerolehan yang membolehkan semua proses perolehan dilakukan dengan telus dan selamat. Ini membolehkan pentadbiran Kerajaan beroperasi dengan lancar sepanjang tempoh PKP berkenaan.

Sistem ePerolehan merupakan satu inisiatif pendigitalan strategik yang dilaksanakan sejak 20 tahun lalu. Kini ianya berada pada tahap kematangan yang tinggi dan digunakan secara meluas. Kesediaan dan transformasi dari segi dasar, teknologi, infrastruktur dan latihan telah dilaksanakan sepenuhnya membolehkan ianya menyumbang kepada penjanaan ekonomi negara dalam tempoh PKP tanpa menghadapi sebarang krisis.